



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN MAC 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index [BSI] Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mac 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 49.8 bagi bulan Mac 2023 berbanding 50.2 bagi bulan Februari 2023. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, perniagaan sektor swasta berpandangan pesimistik terhadap keadaan perniagaan pada bulan Mac 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Antara faktor-faktor bagi pandangan pesimistik ini adalah penurunan aktiviti perniagaan disebabkan oleh waktu bekerja yang lebih pendek pada bulan Ramadhan, dan keadaan pasaran yang semakin perlahan yang dijangka akan memberi kesan menurun kepada tahap pengeluaran dan jualan perniagaan. Memandang ke hadapan, sentimen bagi bulan April 2023 adalah lebih pesimistik dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 49.8. Walaupun kebanyakan perniagaan menjangka promosi-promosi jualan bagi sambutan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri akan meningkatkan lagi permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka, terdapat segelintir yang menjangka waktu bekerja yang lebih singkat di bulan Ramadhan, musim cuti persekolahan dan hari kelepasan awam bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri akan mengurangkan aktiviti-aktiviti perniagaan pada bulan April.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.3 bagi bulan Mac 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan

tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Mac 2023 dan juga pada beberapa bulan yang akan datang. Antara faktor-faktor utama yang dikongsikan termasuk meningkatkan inventori bagi persediaan sempena musim sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri; membeli peralatan dan bahan-bahan baru untuk pelaksanaan projek; memperbaiki dan menukar mesin dan peralatan yang lama; meningkatkan perbelanjaan bagi pekerja-pekerja seperti menyediakan latihan profesional dan mengubahsuai tempat kediaman pekerja; serta menaik taraf ruang dan sistem pejabat.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan Mac 2023, dan 50.4 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, perniagaan menjangka akan meningkatkan jumlah pekerja pada bulan Mac 2023 dan pada bulan berikutnya. Salah satu sebab utama bagi peningkatan ini adalah untuk memastikan tenaga kerja mencukupi untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan. Sebahagian perusahaan juga mengalami kekurangan pekerja disebabkan oleh perletakan jawatan daripada sesetengah tenaga kerja mereka. Dalam hubungan ini, usaha pengambilan pekerja dijangka akan berterusan untuk tempoh yang lebih lama sehingga jawatan-jawatan kosong tersebut dapat dipenuhi.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 49.9 bagi bulan Mac 2023, dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan pada bulan Mac 2023 adalah dijangka lebih rendah dari bulan sebelumnya. Bagi bulan April 2023 pula, para peniaga menjangka kos akan meningkat berbanding dengan bulan Mac 2023. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan kos dalam masa terdekat adalah kenaikan kos bahan-bahan dan pengangkutan, serta jangkaan bahawa peningkatan dalam pengambilan pekerja di masa akan datang akan membawa kepada perbelanjaan pembayaran gaji yang lebih tinggi.

BSI Mac 2023	
Keadaan Perniagaan	49.8
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	49.8
Pelaburan	50.3
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Kos Perniagaan Bulan Ini	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.1

8. Dari segi **sektor ekonomi**, lapan daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik bagi bulan Mac 2023. Sektor Pengangkutan dan Komunikasi menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.7 disebabkan oleh jangkaan musim cuti persekolahan akan meningkatkan permintaan bagi perjalanan udara. Sektor Pembuatan, sektor Perkhidmatan Lain serta sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan juga menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik bagi bulan Mac 2023 berbanding dengan bulan Februari 2023 dengan pemulihran aktiviti dan peningkatan tempahan dan jualan. Sektor Pembinaan turut mencatatkan sentimen optimisik dengan terdapatnya projek-projek baharu bagi beberapa syarikat, manakala sektor Kewangan dan Insurans pula menjangka pembelian kenderaan dan insurans kereta akan meningkat. Sektor-sektor lain yang menunjukkan keyakinan adalah sektor Perdagangan Borong dan Runcit, dan sektor Hotel dan Restoran, di mana aktiviti-aktiviti promosi sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dijangka akan meningkatkan tahap penjualan. Sebaliknya, dua daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen pesimistik. Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan mencatatkan sentimen pesimistik disebabkan aktiviti penyelenggaraan yang telah dijadualkan dan keadaan pasaran yang lebih perlahan yang dijangka akan menjelaskan tahap pengeluaran dan hasil

pendapatan pada bulan Mac 2023. Di samping itu, sektor Kesihatan dan Pendidikan juga berpandangan pesimistik, manakala sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman pula menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Mac 2023 berbanding dengan bulan sebelum ini.

Keadaan Perniagaan Mac 2023 Mengikut Sektor	
Pengangkutan & Komunikasi	50.7
Pembuatan	50.3
Perkhidmatan Lain	50.3
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.2
Pembinaan	50.1
Perdagangan Borong & Runcit	50.1
Kewangan & Insurans	50.1
Hotel & Restoran	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Kesihatan & Pendidikan	49.9
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil dan besar berpandangan optimistik bagi bulan Mac 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan menjangka tahap jualan akan meningkat pada bulan Mac memandangkan Februari adalah bulan yang singkat. Di samping itu, perniagaan bersaiz mikro dan sederhana melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Februari 2023.

Keadaan Perniagaan Mac 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.1
Sederhana	50.0
Besar	50.1


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 27 Ramadhan 1444H / 18 April 2023M  
 Ruj: BDCB/COMMS/3

## LAMPIRAN 1


### Keadaan Perniagaan



**Nota:** Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yangerosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

### Pelaburan




**Nota:** Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

*Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.*




**Nota:** Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.




**Nota:** Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.